

25/05/2001

Jawatankuasa kaji kurang pelajar lelaki mesyuarat hari ini

SHAH ALAM, Khamis - Jawatankuasa khas Umno bagi mengkaji punca kekurangan pelajar lelaki Melayu berbanding wanita di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) akan bermesyuarat esok, dalam usaha menangani masalah itu.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata mesyuarat itu antara lain bertujuan mengenal pasti punca kekurangan itu.

Jawatankuasa khas itu dilantik oleh Majlis Tertinggi (MT) Umno, Isnin lalu dan dipengerusikan Musa sendiri.

Sebelum ini, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam mesyuarat MT Isnin lalu, menyuarakan kebimbangannya terhadap bilangan pelajar lelaki Melayu di IPTA yang semakin berkurangan berbanding pelajar wanita.

Tahun lalu, jumlah pelajar lelaki Melayu di IPTA hanya 37 peratus berbanding 63 peratus pelajar wanita dan jumlah itu semakin merosot tahun ini dengan hanya 30 peratus lelaki berbanding 70 peratus pelajar wanita.

Dr Mahathir berkata, antara punca kekurangan pelajar lelaki Melayu di IPTA ialah wujudnya gangguan yang menyebabkan mereka kurang terdorong meneruskan pelajaran pada peringkat universiti.

Sementara itu, Musa berkata, pada masa ini, sudah ada satu jawatankuasa penyelidik yang diketuai seorang profesor di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), yang lebih awal melihat masalah berkenaan.

Jawatankuasa itu yang turut dianggotai penyelidik dari universiti lain, termasuk Universiti Malaya (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) sudah menyiapkan laporan mengenai masalah itu.

"Saya sudah melihat hasil penyelidikan kumpulan berkenaan. Laporan itu akan diumumkan kelak," katanya kepada pemberita selepas lawatan ke tapak rumah guru di Sekolah Menengah Teknik Shah Alam, di sini hari ini.

(END)